

**Toh Puan Zaitun Kekal Ketua Wanita Umno Marang
Bernama
13 Oct, 2013**

KUALA TERENGGANU, 13 Okt (Bernama) -- Ketua Pergerakan Wanita Umno bahagian Marang Toh Puan Zaitun Mat Amin berjaya mempertahankan jawatannya pada pemilihan sayap parti itu Sabtu malam.

Bendahari Pergerakan Wanita Umno Perhubungan Negeri Terengganu itu, yang menyandang jawatan berkenaan sejak tiga penggal lepas, turut terpilih menganggotai Exco Pergerakan Wanita Malaysia pada pemilihan kali ini.

Zaitun, 56, ketika dihubungi Bernama, berterima kasih kepada Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Terengganu, dan Ketua Pergerakan Wanita Umno Perhubungan negeri Datuk Fatimah Hamat kerana mencadangkan namanya bagi mewakili Terengganu.

Sementara itu, calon Ketua Wanita Umno Hulu Terengganu Datuk Fatimah Hamat, yang menang tanpa bertanding, berhasrat untuk tidak mempertahankan jawatan berkenaan pada penggal depan setelah menyandanginya selama dua penggal.

Ketua Wanita Umno Terengganu itu juga berkata beliau ingin mengundurkan diri untuk memberi peluang kepada muka baharu menerajui kepimpinan negeri.

"Saya telah menerajui hampir 18 tahun dan insya-Allah sebelum berundur, saya akan bina satu set pelapis untuk mereka menjalankan kelangsungan yang telah ditetapkan parti supaya pergerakan Wanita berada dalam keadaan baik," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985317>